

RINGKASAN DAPATAN LAPORAN AUDIT PEMATUHAN SWAAKREDITASI UPM 2022

| No. | Dapatan | Bilangan dapatan | Bidang | Rincian Dapatan |
|--|-------------------------|------------------|--------|--|
| 1. | Penegasan | 1 | Area 2 | 2.2.4: Keperluan tindakan segera penjajaran hasil pembelajaran program kepada MQF 2.0. |
| 2. | Cadangan Penambahbaikan | 19 | Area 1 | 1.1.5: Keterlihatan kebitaraan UPM dalam bidang pertanian semasa kajian semula Visi, Misi dan Matlamat UPM. |
| | | | | 1.2.3: Memperinci dan memperjelas atribut graduan dalam Matlamat Pendidikan UPM kepada ketua program untuk diintegrasikan dalam Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objective (PEO)) dan Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes (PLOs)). |
| | | | | 1.5.3: Maklumat tarikh edaran, tarikh kuatkuasa dan jangkaan tarikh semakan akan datang dinyatakan untuk setiap dokumen polisi |
| | | | Area 2 | 2.1.4 (i): PEO dan PLOs hendaklah dinilai berdasarkan Matlamat Pendidikan UPM serta atribut graduan sebagai mana dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025. |
| | | | | 2.2.4 (ii): Meneliti semula kitaran semakan semula kurikulum program iaitu tidak tertakluk kepada lima (5) tahun tetapi perlu lebih fleksibel bergantung kepada perubahan serta keperluan semasa sesuatu bidang. |
| | | | | 2.2.4 (iii): Pelaksanaan Laporan Penilaian Kendiri Program (Programme Self-Review Report (PSRR)) dan semakan semula kurikulum program boleh diselaraskan kerana kedua-duanya bertujuan untuk penambahbaikan program. |
| | | | | 2.2.4 (iv): Perlu meneliti semula format garis masa proses semakan semula kurikulum agar ianya lebih tepat dan membantu memastikan pelaksanaan semakan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. |
| | | | | 2.2.4 (v): Proses dan kaedah semakan semula kurikulum program perlu juga mengambil kira perubahan yang berlaku pada setiap kitaran semakan. |
| 2.2.4 (vi): Meningkatkan pengambilan pelajar matang dalam memperkaya | | | | |

| No. | Dapatan | Bilangan dapatan | Bidang | Rincian Dapatan | |
|-----|-------------------------|------------------|--------|---|--|
| | Cadangan Penambahbaikan | | | persekitaran pembelajaran pelajar. | |
| | | | | Area 3 | 3.1.10 (i): Menyemak semula garis panduan pengiktirafan anugerah untuk kenaikan pangkat staf akademik. |
| | | | | | 3.1.10 (ii): Meneliti semula polisi Program Pembangunan Staf UPM 2008-2010 dengan mengambil kira keperluan terkini bidang latihan staf. |
| | | | | | 3.1.15: Meneliti semula kaedah penilaian pencapaian staf akademik di peringkat nasional dan antarabangsa dalam penilaian prestasi tahunan dan permohonan kenaikan pangkat. |
| | | | | | 3.2.4: Mengenal pasti jenis latihan staf bukan akademik yang membawa kepada kelayakan professional. |
| | | | | | 3.5.3: Menyediakan lebih peruntukan untuk penyelenggaraan peralatan, fasiliti dan aset termasuk ICT dan bangunan usang. |
| | | | | Area 4 | 4.1.2: Peranan CQA untuk menggalakkan penetapan hala tuju/tema/risiko program dalam proses semakan semula kurikulum program fakulti dan sekolah. |
| | | | | | 4.1.8: (i) dan (ii) CQA boleh mengetengahkan pendekatan terkini seperti pemikiran berasaskan risiko (risk-based thinking) dan keutamaan universiti berdasarkan Pelan Strategik UPM kepada fakulti dan sekolah dalam semakan semula kurikulum program. (ii) aspek penambahbaikan perlu diberikan kepada medium Pengajaran dan Pembelajaran dan pentaksiran secara dalam talian. |
| | | | | 4.3.2: Audit secara berkala terhadap keberkesanan pengurusan aspek jaminan kualiti di bawah CQA | |